



Kor SUKSIS IPTA Wujud Sebuah Universiti Bebas Jenayah



Pelatih Kor SUKSIS bergambar keriang selepas berjaya menamatkan Majlis Tamat Latihan dan Pertaualihan Kor SUKSIS IPTA 2009 yang diadakan di UPM

SERDANG, 21 Jun – Pelatih Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi (SUKSIS) Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) berjaya menjadi pemangkin ke arah sebuah universiti bebas jenayah dan menaikkan martabat Polis Diraja Malaysia selaku penguatkuasa undang-undang bertaraf dunia.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Tan Sri Hassan berkata pelatih Kor SUKSIS dari 15 universiti yang telah menamatkan latihan hari ini diharapkan menjadi graduan yang memiliki pengetahuan undang-undang.

"Pelatih Kor SUKSIS ini sangat berdisiplin tinggi, berketerampilan dan sentiasa bersedia menghadapi situasi yang lebih mencabar.

"Saya yakin dan percaya pelatih ini sudah bersedia dan berupaya untuk memberikan yang terbaik kepada diri mereka dan juga masyarakat," katanya ketika berucap pada Majlis Tamat Latihan dan Pertaualihan Kor SUKSIS IPTA 2009 kali kelima yang diadakan di UPM.

Seramai 762 orang pelatih yang terdiri daripada 365 lelaki dan 397 wanita berjaya menamatkan latihan Kor SUKSIS dengan cemerlang pada tahun ini.

Program latihan Kor SUKSIS yang diwujudkan pada 4 Februari 1999 merupakan usaha kerajaan untuk mendekati graduan dan remaja menerusi aktiviti yang berfaedah di samping membina modal insan yang cemerlang.

Tan Sri Musa berkata nilai tambah tersebut dapat memupuk rasa tanggungjawab sosial yang tinggi, berdisiplin, cintakan keamanan, ketenteraman, kesejahteraan rakyat dan negara.

Sementara itu, Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata aktiviti luar kuliah seperti Kor SUKSIS merupakan pelengkap kepada usaha membangunkan modal insan melalui pengisian ilmu pengetahuan dan kemahiran berguna kepada pelajar.

"Negara memerlukan anak muda berdisiplin, berdedikasi dan mempunyai jati diri yang luhur untuk membangun dan memakmurkan ketamadunan bangsa yang kita miliki bersama.

"Saya percaya bahawa dengan kerjasama erat pihak Polis DiRaja Malaysia, pelatih SUKSIS berupaya menjadi sebahagian daripada harapan murni ini," katanya.

Pada majlis itu, Pelatih Keseluruhan Terbaik UPM, Suchoko Tukiran berkata pengalaman selama enam semester mengikuti latihan Kor SUKSIS itu banyak memberi peluang dan pendedahan kepadanya.

"Saya berasa latihan ini dapat memberi satu latihan untuk mengelakkan diri saya daripada terjebak dalam kancang jenayah dan masalah sosial," katanya.

Sementara itu, Pelatih Akademik Terbaik UPM disandang oleh Haslimatun Riduan dan Pelatih Latihan Luar Terbaik UPM diberikan kepada Tanaseelan A/L V.Manogaran.

Pada 21 Jun 2008, UPM telah menempai sejarahnya apabila 58 orang graduan pertamanya telah ditauliahkan sebagai Inspektur Sukarelawan Polis (I/SP) semasa Majlis Tamat Latihan dan Pelantikan Kor SUKSIS UPM di Universiti Sains Malaysia.

UPM telah menempai sejarahnya sekali lagi kerana berjaya melahirkan pelatih Kor SUKSIS untuk kelompok kedua sepanjang penubuhannya secara rasmi di UPM apabila seramai 31 pelatih Kor SUKSIS yang telah tamat latihannya pada hari ini.



Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Tan Sri Hassan menyampaikan cenderamata kepada Pelatih Keseluruhan terbaik UPM, Suchoko Tukiran sambil diperhatikan oleh Komandan Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi (SUKSIS) Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, ACP/KS Prof. Dato' Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti Bahagian Komunikasi Korporat UPM.